

TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE- 40 / 2014
16 OGOS 2014 (SABTU), 8:40 PAGI
PERKARANGAN LOBI MPSP, BANDAR PERDA

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen

Yang Dihormati Ahli-ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Semua Kakitangan MPSP

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Assalamualaikum wbth, salam sejahtera dan selamat pagi.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk meraikan Hari Majlis ke-40/ 2014. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi yang berbahagia ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Ucapan Terima Kasih

Saya turut ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tetamu kehormat kita pada hari ini, terutama YAB Tuan Lim Guan Eng dan YB Tuan Chow Kon Yeow yang turut sudi hadir walaupun padat dengan program pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada para barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ADUN, Ahli Parlimen dan semua Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan serta

kakitangan MPSP yang memberi sokongan dan kerjasama ke atas segala usaha yang diberikan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP.

2. Perkhidmatan MPSP

MPSP sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan terutama dari segi memenuhi kehendak stakeholder. Berlandaskan dasar kualiti MPSP, MPSP komited untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Perkhidmatan MPSP yang mengutamakan kualiti jelas menunjukan komitmen dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Perkhidmatan pembersihan sampah yang diuruskan MPSP 100% memperlihatkan MPSP komited dalam menyediakan persekitaran bersih dan selamat kepada masyarakat. Sebentar tadi, kita telah memperbaharui ikrar kualiti dan ikrar kakitangan dalam usaha memantapkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti kakitangan MPSP untuk mencapai visi melalui pelancaran Pelan Strategi dan Fokus 2014 MPSP.

3. Pelancaran *Seberang Perai Heritage Map*

Sempena sambutan Hari Majlis Ke-40, MPSP akan melancarkan *Seberang Perai Heritage Map*. *Seberang Perai Heritage Map* ini

merupakan langkah Majlis untuk memperkenalkan kawasan-kawasan warisan yang berpotensi untuk dibangunkan menjadi tempat pelancongan di Seberang Perai. Pelancaran *Seberang Perai Heritage Map* mampu berpromosikan Seberang Perai sebagai kawasan pelancongan warisan yang menarik selaras dengan status Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. *Seberang Perai Heritage Map* ini disediakan secara *In-House* (tiada perunding).

4) Pelancaran Seberang Perai Tourist Map Edisi ke-2

Sempena sambutan Hari Majlis Ke-40, MPSP akan melancarkan *Seberang Perai Tourist Map* Edisi ke-2. Untuk makluman semua, pelancaran *Seberang Perai Tourist Map* Edisi ke 2 kali ini adalah dengan menggunakan peruntukan daripada YB Tuan Law Heng Kiang. Pelancaran *Seberang Perai Tourist Map* Edisi ke-2 mampu memperkenalkan kawasan pelancongan di sekitar Seberang Perai yang mampu menarik kedatangan pelancong ke Pulau Pinang khususnya Seberang Perai ini.

Seberang Perai mempunyai banyak kawasan/tapak pelancongan yang berpotensi tinggi, cuma kawasan ini memerlukan infrastruktur dan promosi.

5. Pelancaran Poskad ‘ I Love Clean & Green”

Untuk makluman semua, pada hari ini MPSP akan melancarkan Poskad “ I Love Clean & Green”. Poskad ini adalah atas inisiatif Ahli Majlis Puan Chong Pei Pei yang telah menggunakan peruntukannya untuk mengadakan pertandingan melukis poskad di kalangan pelajar untuk memupuk semangat “Cleaner, Greener, Safer and Healthier Seberang Perai”.

6. Pelancaran Website Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPSP

Sempena dengan sambutan Hari Majlis pada tahun ini juga, Majlis akan membuat Pelancaran Website Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPSP. MPSP adalah PBT yang pertama melancarkan Website Jabatan COB di Malaysia, ianya akan membantu memudahkan urusan berkaitan dengan pengurusan bangunan berstrata. Menyedari keperluan aspek pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata amat berkait rapat dengan kualiti kehidupan penghuninya, laman web ini dibangunkan bagi semua pihak yang berkepentingan mengakses bagi memahami peranan dan fungsi Jabatan COB disamping mendapatkan informasi berkaitan panduan pengurusan strata, perundangan, borang–borang berkaitan, senarai semak serta hebahan program-program dan maklumat semasa. Laman web ini boleh dicapai melalui pautan <http://www3.mpsp.gov.my/cob/index.php> .

7. Anugerah Pekerja Contoh

Anugerah Pekerja Contoh merupakan penghargaan Majlis kepada anggota yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang pada tahun ini. Anugerah Pekerja Contoh yang diberikan kepada kakitangan MPSP dinilai dari 1 Januari 2014 sehingga 30 Jun 2014 berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Kriteria-kriterianya adalah:

- i. Status Perkhidmatan - Terdiri daripada semua kakitangan tetap dan kontrak sementara.
- ii. Tempoh Perkhidmatan - Sekurang-kurangnya setahun pada hari terakhir penilaian
- iii. Tiada kelewatan dalam tempoh 6 bulan
- iv. Cuti sakit tidak melebihi enam (6) hari
- v. Penghasilan Kerja - Prestasi kerja yang cemerlang dari segi kualiti, ketepatan masa dan keberkesanan kerja
- vi. Kualiti Peribadi - Berdisiplin, kepimpinan, integriti, kerja berpasukan, bertanggungjawab dengan tiada/sedikit penyeliaan sahaja.

Insentif dan hadiah Anugerah Pekerja Contoh adalah seperti berikut:

- i. Sijil Penghargaan Pekerja Contoh
- ii. Wang tunai sebanyak RM 100.00

Seramai 24 orang kakitangan telah dipilih untuk diberi penganugerahan Pekerja Contoh pada tahun ini. Semoga kesemua penerima anugerah ini

akan meneruskan kesungguhan mereka dalam tugas sehari-hari dan menjadi contoh kepada yang lain.

8. Pameran

Pada hari ini, Majlis turut mengadakan pameran-pameran. Pameran disertai oleh Pasukan Kerja LA21, Komuniti Permatang Nibong, Komuniti Tanah Liat dan Pameran Model Robot daripada bahan kitar semula. Untuk makluman semua, Pertandingan Gubahan Model Robot daripada bahan kitar semula ini telah dianjurkan oleh Mega Cineplex Sendirian Berhad dan Pasukan Kerja LA21. Dengan menggunakan pendekatan *Reuse* dan *Rethink* para peserta bebas menggunakan apa jua bahan kitar semula sebagai komponan untuk model robot. Jumlah penyertaan yang diterima sebanyak 18 penyertaan.

Yang Amat Berhormat, Tuan-tuan & Puan-puan sekalian,

Bersempena dengan sambutan Hari Majlis pada tahun ini, Majlis juga mengadakan pelbagai aktiviti sukaneka yang melibatkan semua peringkat kakitangan MPSP. Aktiviti-aktiviti ini mampu memberikan impak positif berbentuk kerjasama dalam Majlis serta mampu mencetuskan perasaan kasih sayang dan semangat kekeluargaan yang lebih tinggi kepada kakitangan MPSP. Antara aktiviti yang menarik

dijalankan sempena Hari Majlis adalah seperti gotong-royong memasak makanan, sukaneka dan pertandingan mewarna yang melibatkan anak-anak kakitangan. Hubungan akrab yang terjalin erat di antara semua anggota dan suasana harmoni yang wujud ini akan memudahkan kakitangan MPSP berkerjasama dalam tugas sehari-hari mereka.

Yang Amat Berhormat, Tuan-tuan & Puan-puan,

Saya telah dimaklumkan oleh SIRIM QAS Sdn Bhd bahawa permohonan pensijilan Sistem Pengurusan Tenaga (EnMS) MPSP telah pun diluluskan oleh SIRIM QAS Certification Panel. Skop pensijilan MPSP adalah **“Operation and Maintenance of Majlis Perbandaran Seberang Perai Headquarters Building at Bandar Perda, Bukit Mertajam”**.

Akhir kata, ingin saya menarik perhatian dan menyeru kepada semua kakitangan MPSP untuk sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, cekap dan efisyen dalam merealisasikan halatuju strategik MPSP dan membawa MPSP ke tahap antarabangsa. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri yang sentiasa memberi sokongan padu kepada MPSP dan terima kasih

kepada Ahli-ahli Majlis, Tuan Setiausaha dan semua kakitangan MPSP kerana telah bekerja sebagai satu pasukan.

Sekian, Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Terima kasih.